

**SOALAN NO: 3**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melakukan secara berfasa bagi menaik taraf dan memperbaiki kerosakan jalan raya yang masih lagi berlaku di antara Bandar Baharu ke Kulim sementara menanti kelulusan peruntukan untuk menaik taraf sepenuhnya dilakukan kelak bagi mengatasi isu kemalangan yang sering berlaku di kawasan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited memastikan Jalan Persekutuan diselenggara dengan baik bagi tujuan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Berdasarkan semakan, laluan Bandar Baharu – Kulim itu ialah merujuk kepada laluan FT136 yang menghubungkan Pekan Bandar Baharu ke Sungai Ular, Kulim sepanjang 48 km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah skop penyenggaraan rutin dan berkala bagi tempoh 3 tahun terakhir, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak **RM5.68 juta** untuk tujuan penyenggaraan di laluan FT136. Perincian peruntukan penyenggaraan yang diluluskan ialah seperti berikut:

PENYENGGARAAN	TAHUN		
	2015	2016	2017
RUTIN	1,095,212.32	1,095,212.32	1,095,212.32
BERKALA PAVEMEN	805,268.37	980,000.00	200,000.00
BERKALA BUKAN PAVEMEN	82,000.00	200,000.00	125,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>1,982,480.69</b>	<b>2,275,212.32</b>	<b>1,420,212.32</b>

Manakala bagi tahun 2018, Kementerian Kerja Raya bercadang untuk memperuntukkan sebanyak **RM600 ribu** untuk penyenggaraan turapan di lokasi laluan yang telah dikenalpasti.

Sekian, terima kasih.

7

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR**

**SOALAN : NO. 4**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kebolehpasaran lulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara dengan data terkini dalam mendapatkan peluang dalam bidang pekerjaan dan kemahiran di dalam mahupun luar negara. Apakah jumlah tenaga pengajar tempatan bagi sektor TVET kini mencukupi dan nyatakan kerjasama dilakukan oleh Kementerian dengan agensi luar negara bagi menghasilkan lebih ramai golongan profesional ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) Malaysia yang dilancarkan merupakan sebuah program yang memberi tumpuan khusus kepada aspek kemahiran bagi memenuhi pasaran kerja industri. Ia merupakan inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama enam (6) lagi kementerian lain termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dalam mencapai objektif secara kolektif, KPT sentiasa memberi penekanan kepada TVET supaya graduan dalam bidang ini dapat menepati kehendak sektor industri. Perkara ini telah dilaksanakan seiring dengan Lonjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan

8

Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu menghasilkan 'Graduan TVET Berkualiti'. Hasilnya cukup membanggakan apabila kadar kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2013 hingga 2017 telah meningkat daripada 74.9% kepada 91.4%.

Kebanggaan ini diteruskan lagi oleh KPT menerusi pelbagai inisiatif bagi memastikan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan graduan yang dilahirkan bersedia dan kekal relevan terutamanya dalam menghadapi gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Antara inisiatif kementerian adalah seperti pengenalan iCGPA, CEO@Faculty, 2u2i, *Gap Year*, penawaran program dwi ijazah di beberapa UA dan pemantapan Bahasa Inggeris melalui pelaksanaan *Malaysia English Assesement (MEA)*.

Selain program-program sedia ada di atas, KPT turut memperkenalkan inisiatif baharu kebolehpasaran graduan institusi TVET seperti berikut:

- (i) Melaksanakan **Program Graduate Employability** bagi meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor;
- (ii) Memperkasa **kerjasama di antara institusi TVET di bawah KPT** bersama industri dalam merekabentuk kurikulum yang bersepadu dan sejajar dengan keperluan industri melalui pekerjaan (*work-based learning*) dalam usaha meningkatkan kesediaan mahasiswa menceburi alam pekerjaan melalui pendekatan *industry and*

*academia are one.* Antara contoh adalah penubuhan TRC Edu Center di Politeknik Ungku Omar sebagai pusat Industri-Akademia yang menyokong pelaksanaan *program pengajian dengan pendekatan Work-Based Learning dan Learn and Earn.*

- (iii) Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri atau ***Industry Centres of Excellence (ICoE)*** bagi merencanakan lagi pelaksanaan program berimpak sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada graduan terutama dalam bidang TVET dan teknologi tinggi. Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 14 ICoE dan dua kluster baharu iaitu Kluster Rel yang diterajui oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Kluster Maritim yang diterajui Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- (iv) Memastikan agar mahasiswa MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti terlibat dalam projek pembinaan infrastruktur kelas dunia yang diterajui kerajaan. Ini termasuk memberi fokus kepada bidang yang sedang berkembang seperti *High Speed Rail, Internet of Things, Building Information Modelling dan Instrumentation and Security Technology.*
- (v) Membina ekosistem yang menyokong pembudayaan **Pembelajaran Sepanjang Hayat** dalam bidang kemahiran. Sebagai contoh, baru-baru ini telah dilancarkan Pelan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat yang memberi peluang pelajar aliran agama mengikuti kursus sijil kemahiran seperti automotif dan pendawaian elektrik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**SOALAN : 5**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian oleh Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), Pulau Pinang telah mengalami kepadatan pengguna pada tahap hampir maksima dan kos bagi penambahbaikan dan peluasan (LTABL) ini melibatkan kos yang tinggi. Pihak Kementerian juga berpendapat lapangan terbang baru perlu dibina. Sejauh manakah rancangan Kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang di utara tanah air bagi menampung kepadatan yang ditanggung Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), Pulau Pinang kini dan bilakah proses pembinaan ini akan dilaksanakan.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Menerusi projek naik taraf ini, kapasiti penumpang akan meningkat kepada 12 juta penumpang setahun berbanding kapasiti terminal sedia ada iaitu 6.5 juta penumpang setahun.

Pada masa ini, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang dalam proses melantik juru perunding. Dalam hubungan ini, komponen-komponen yang terlibat dan jadual terperinci bagi pelaksanaan projek pembesaran LTAPP akan hanya diketahui selepas juru perunding selesai menjalankan penilaian terperinci.

Berhubung pembinaan sebuah lapangan terbang baru di utara tanah air, Kerajaan ketika ini sedang meneliti keperluan tersebut.